



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

1

## **ANALISIS PERHIMPUNAN GABUNGAN PILIHAN RAYA BERSIH DAN ADIL (BERSIH)**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

### **MARGARET CHIN KAH MUN**

### **FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN**

### **UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

### **2020**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**ANALISIS PERHIMPUNAN GABUNGAN  
PILIHAN RAYA BERSIH DAN ADIL  
(BERSIH)**

**MARGARET CHIN KAH MUN**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH  
IJAZAH SARJANA SASTERA  
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2020**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (\checkmark)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH****PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 22 JULAI 2020

**i. Perakuan pelajar :**

Saya, **MARGARET CHIN KAH MUN, M20171000804, FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN**  
dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk

**ANALISIS PERHIMPUNAN GABUNGAN PILIHAN RAYA BERSIH DAN ADIL (BERSIH)**

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya, **SITI NORANIZAH HAFIZAH BOYMAN**

dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk

**ANALISIS PERHIMPUNAN GABUNGAN PILIHAN RAYA BERSIH DAN ADIL (BERSIH)**

dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sepenuhnya syarat untuk memperoleh

**IJAZAH SARJANA SASTERA (PENGAJIAN MALAYSIA).**

22.07.2020

Tarikh

DR. SITI NORANIZAH HAFIZAH BOYMAN  
Pensyarah Kanan  
Jabatan Pengajian Kemasyarakatan  
& Kewarganegaraan  
Fakulti Sains Kemanusiaan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
 INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
 DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: **ANALISIS PERHIMPUNAN GABUNGAN PILIHAN RAYA  
 BERSIH DAN ADIL (BERSIH)**

No. Matrik / Matrik No.: **M 20171000804**

Saya / I : **MARGARET CHIN KAH MUN**

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) from the categories below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 22 JULAI 2020

**DR. SRI NORANI AHMAD AFIFY BOYMAIN**

Pensyarah Kanan

(Tandatangan Pelajar/ Sign of Graduate  
 & (Nama & Cop Rasm) / Name & Official Stamp)

Fakulti Sains Kemanusiaan

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.





## PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan saya ingin mengucapkan kepada penyelia tesis saya, Dr Siti Noranizahhafizah Binti Boyman atas bimbingan dan dorongan yang diberi sepanjang penyelidikan ini. Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada semua profesor dan pensyarah yang telah memberi tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang penyelidikan ini.

Kerjasama yang diberi oleh peserta-informan juga amat dihargai atas kesudian penghuluran bantuan yang membolehkan saya memperoleh maklumat-maklumat yang diperlukan untuk melengkapkan tesis ini. Ribuan terima kasih diucapkan kepada Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH) kerana sudi memberi kerjasama kepada saya untuk mendapatkan maklumat penyelidikan.



Penghargaan yang ikhlas dirakamkan kepada keluarga saya atas sokongan dari segi mental dan material yang diberikan kepada saya supaya saya dapat menyiapkan tesis ini dalam masa yang ditetapkan.

Penghargaan juga ditunjukkan kepada rakan-rakan yang telah memberi sokongan moral dan membantu saya daripada pelbagai aspek supaya saya dapat menghasilkan penyelidikan ini.

Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung yang membantu saya untuk menjayakan penyelidikan ini.





## ABSTRAK

Perhimpunan awam merupakan salah satu elemen penting dalam sistem demokrasi sesebuah negara sebagai saluran untuk membawa suara rakyat. Pelbagai perhimpunan awam telah diadakan dalam sejarah Malaysia seperti kegiatan mogok pekerja yang digiatkan pada era kolonial, perhimpunan menentang *Malayan Union* dan gerakan pelajar yang diiringi oleh golongan mahasiswa pada 1970-an. Seterusnya, perhimpunan Reformasi 1998 juga merupakan antara perhimpunan awam yang signifikan di Malaysia. Namun, perhimpunan BERSIH adalah antara perhimpunan awam yang dapat mengekalkan penganjurannya selama 10 tahun daripada 2007 hingga 2016. Kajian ini dikemukakan adalah untuk membandingkan bezakan perhimpunan BERSIH 1.0 hingga BERSIH 5.0, mengenal pasti strategi mengekalkan penganjuran perhimpunan BERSIH dan menilai pencapaian tuntutan perhimpunan BERSIH. Pendekatan kualitatif khususnya temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen telah digunakan untuk mendapatkan maklumat. Sebanyak lapan orang informan telah ditemu bual dalam kalangan bekas jawatankuasa pemandu BERSIH, sekretariat BERSIH, aktivis sosial dan ahli akademik untuk menjawab objektif kajian ini. Hasil kajian ini menemui tiga dapatan utama. Pertama, pola perhimpunan BERSIH menunjukkan perkembangan yang positif daripada aspek tuntutan yang dicapai, cara penganjuran yang pelbagai dan bilangan peserta yang bertambah. Kedua, hasil kajian mendapati lima strategi BERSIH untuk mengekalkan penganjuran perhimpunan BERSIH. Ketiga, dapatan kajian menunjukkan tiga daripada 14 tuntutan perhimpunan BERSIH telah tercapai. Namun begitu, pencapaian tuntutan perhimpunan BERSIH yang lain dipertingkatkan selaras dengan peralihan kuasa kerajaan selepas PRU tahun 2018. Selain itu, perhimpunan BERSIH juga mendatangkan implikasi positif seperti meningkatkan ruang demokrasi Malaysia. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati perhimpunan BERSIH memainkan peranan penting dalam pembaharuan sistem pilihan raya dan pendemokrasian Malaysia serta pembaharuan institusi awam Malaysia. Walau bagaimanapun, keamanan sosial juga perlu dikekalkan melalui mekanisme pengawalan seperti undang-undang untuk menggelakkan perhimpunan awam dimanipulasikan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.





## AN ANALYSIS OF THE COALITION FOR CLEAN AND FAIR ELECTIONS RALLIES (BERSIH)

### ABSTRACT

Public assembly is one of the important elements of a country's democratic system as a channel for bringing people's voices. Various public assemblies were held in Malaysian history such as the workers' strike during the colonial era, anti-Malayan Union assemblies and student movements that conducted by university students in the 1970s. Furthermore, the 1998 Reformasi rally was also one of the significant public assemblies in Malaysia. However, the BERSIH rallies were only public assembly that can sustained for 10 years from 2007 to 2016. This study is to compare the differences between BERSIH 1.0 rally to BERSIH 5.0 rally, to identify the strategy of sustaining the BERSIH rallies and to evaluate the achievement of the BERSIH rallies.

Qualitative approach in particular semi-structured interviews and document analysis have been used to obtain research data. A total of eight participants included former BERSIH steering committees, BERSIH secretariat, social activists and academicians were interviewed in order to answer the research objectives. There are three key findings of this study. First, the BERSIH rallies show positive developments in terms of achieving demands, diversifying organizational methods and increasing number of participants. Secondly, the study found that there were five strategies used by BERSIH to sustaining the organization of BERSIH rallies. Thirdly, the study showed that three BERSIH demands is achieved out of 14 BERSIH demands. However, the achievement of other BERSIH demands has been enhanced in line with the government's transition after 2018 general election. In addition, the BERSIH rallies also poses positive implications such as increasing democratic space in Malaysia. Overall, this study found that BERSIH rallies played an important role in the reform of the electoral system and democratization of Malaysia as well as the Malaysian public institutions reformation. However, social security must also be maintained through regulatory mechanisms such as law to avoid public assembly manipulated by irresponsible people.





## SENARAI KANDUNGAN

### Muka surat

<b>PERAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvi
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	1
1.0 Pengenalan	1
1.1 Perkembangan Perhimpunan Awam di Malaysia	2
1.2 Pernyataan Masalah	10
1.3 Persoalan Kajian	13
1.4 Objektif Kajian	13
1.5 Definisi Operasional	14
1.5.1 Gerakan Sosial	14
1.5.2 Perhimpunan	14
1.5.3 BERSIH	15





1.6	Kepentingan Kajian	16
1.7	Skop Kajian	17
1.8	Organisasi Kajian	18
1.9	Rumusan	19
<b>BAB 2</b>	<b>SOROTAN LITERATUR</b>	<b>21</b>
2.0	Pengenalan	21
2.1	Teori dan Kerangka Konseptual	22
2.1.1	<i>Political Process Theory</i>	22
2.1.2	Kerangka Konseptual Kajian	32
2.2	Sorotan Kajian Lepas	35
2.2.1	Perhimpunan Awam Pra Kemerdekaan (Tahun 1938 hingga 1956)	36
2.2.2	Perhimpunan Awam Pasca Kemerdekaan (Tahun 1957 hingga 1990)	40
2.2.3	Perhimpunan Awam 1990-an hingga 2016	44
2.2.4	Perhimpunan Awam Luar Negara	53
2.3	Rumusan	57





<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	59
3.0	Pengenalan	59
3.1	Reka Bentuk Kajian	60
3.2	Kaedah Pengumpulan Data	60
3.2.1	Temu Bual Separa Berstruktur	61
3.2.2	Analisis Dokumen	62
3.3	Informan	63
3.4	Instrumen Kajian	65
3.4.1	Panduan Soalan Temu Bual	65
3.5	Analisis Data Penyelidikan	67
3.6	Rumusan	69
<b>BAB 4</b>	<b>PERHIMPUNAN BERSIH</b>	70
4.0	Pengenalan	70
4.1	Penubuhan BERSIH	71
4.2	Siri-siri Perhimpunan BERSIH	72
4.2.1	Siri Perhimpunan BERSIH 1.0	73
4.2.2	Siri Perhimpunan BERSIH 2.0	75
4.2.3	Siri Perhimpunan BERSIH 3.0	78
4.2.4	Siri Perhimpunan BERSIH 4.0	80
4.2.5	Siri Perhimpunan BERSIH 5.0	83
4.3	Perbandingan Perhimpunan BERSIH	85
4.3.1	Tuntutan Perhimpunan BERSIH	85
4.3.2	Cara Penganjuran Perhimpunan	93
4.3.3	Bilangan Peserta	97
4.4	Rumusan	100



**BAB 5 STRATEGI MENGEKALKAN PERHIMPUNAN BERSIH 102**

5.0	Pengenalan	102
5.1	Kerjasama Organisasi	102
5.2	Non-partisan	113
5.3	Kaedah dan Cara Penganjuran Perhimpunan	121
5.3.1	Perhimpunan 34 Jam	122
5.3.1	Aktiviti Konvoi Bersiri	126
5.4	Memperluaskan Skop Tuntutan	134
5.5	Penggunaan Media Sosial	140
5.6	Rumusan	149

**BAB 6 PENCAPAIAN TUNTUTAN PERHIMPUNAN BERSIH 150**

6.0	Pengenalan	150
6.1	Perhimpunan BERSIH 1.0 hingga Perhimpunan BERSIH 3.0	151
6.1.1	Penyemakan Semula Daftar Pemilih	152
6.1.2	Penggunaan Dakwat Kekal dalam Pilihan Raya	160
6.1.3	Pemansuhan Sistem Pengundian Pos untuk Anggota Polis dan Tentera	163
6.1.4	Akses Media yang Adil kepada Semua Parti Politik dalam Pilihan Raya	168
6.1.5	Tempoh Berkempen Pilihan Raya Sekurang-kurangnya 21 Hari	171
6.1.6	Memperkuatkan Institusi Awam	175
6.1.7	Hentikan Rasuah dan Politik Kotor	178





6.2	Perhimpunan BERSIH 4.0 hingga Perhimpunan BERSIH 5.0	180
6.2.1	Pilihan Raya yang Bersih dan Adil	181
6.2.2	Kerajaan yang Telus	186
6.2.3	Mempertahankan Hak Demokrasi	190
6.2.4	Memperkuatkan Demokrasi Berparlimen	195
6.2.5	Menyelamatkan Ekonomi	198
6.2.6	Memperkuat Sabah dan Sarawak	200
6.3	Rumusan	202
<b>BAB 7</b>	<b>KESIMPULAN</b>	206
7.0	Pengenalan	206
7.1	Dapatan Utama Kajian	206
7.2	Sumbangan Kajian	212
7.3	Cadangan Kajian pada Masa Hadapan	213
<b>RUJUKAN</b>		215
<b>LAMPIRAN</b>		





## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Model Perkembangan Gerakan Sosial	2
1.2 Corak kepimpinan pengerusi ABIM	6
1.3 Perhimpunan BERSIH	11
3.1 Informan	63
3.2 <i>Codes Analisis ATLAS.ti</i>	68
4.1 Perhimpunan BERSIH	73
4.2 Tuntutan perhimpunan BERSIH 1.0	74
4.3 Tuntutan perhimpunan BERSIH 2.0	76
4.4 Tuntutan perhimpunan BERSIH 3.0	78
4.5 Tuntutan perhimpunan BERSIH 4.0	80
4.6 Permintaan pembaharuan institusi BERSIH	81
4.7 Tuntutan perhimpunan BERSIH 5.0	84
4.8 Tuntutan Perhimpunan BERSIH	86
4.9 Cara Penganjuran Perhimpunan BERSIH	94
4.10 Bilangan Peserta Perhimpunan BERSIH	98
5.1 Organisasi-organisasi Sokongan BERSIH	103
5.2 Pola Penggunaan Internet di Malaysia	141
6.1 Analisis Pencapaian Tuntutan Pembaharuan Daftar Pemilih	152





6.2	Analisis Pencapaian Tuntutan Pembaharuan Daftar Pemilih (Bahagian 3)	155
6.3	Analisis Pencapaian Tuntutan Pembaharuan Daftar Pemilih (Bahagian 4)	158
6.4	Garis Masa Pelaksanaan Inisiatif Penggunaan Dakwat Kekal	162
6.5	Analisis Pencapaian Tuntutan Pemansuhan Sistem Pengundian Pos	165
6.6	Analisis Pencapaian Tuntutan Akses Media yang Adil	169
6.7	Jangka Masa Proses Pilihan Raya	171
6.8	Tempoh Kempen Pilihan Raya	173
6.9	Analisis Pencapaian Tuntutan Memperkuatkan Institusi Awam	176
6.10	Analisis Pencapaian Tuntutan Pilihan Raya yang Bersih dan Adil	182
6.11	Analisis Pencapaian Tuntutan Kerajaan yang Telus	187
6.12	Analisis Pencapaian Tuntutan Mempertahankan Hak Demokrasi	190
6.13	Analisis Pencapaian Tuntutan Memperkuatkan Demokrasi Berparlimen	196
6.14	Jawatankuasa Tetap Parlimen	197
6.15	Analisis Pencapaian Tuntutan Menyelamatkan Ekonomi	199
6.16	Analisis Pencapaian Tuntutan Memperkuatkan Sabah dan Sarawak	200
6.17	Analisis Pencapaian Tuntutan Perhimpunan BERSIH	203





## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Model Mobilisasi Charles Tilly	23
2.2 <i>Political Process Model</i> untuk Kemunculan Protes	25
2.3 <i>Political Process Model</i> untuk Perkembangan atau Kemerosotan Protes	26
2.4 Komponen <i>Political Process Theory</i>	30
2.5 Kerangka Konseptual Kajian	33
5.1 Iklan Konvoi dan Perhimpunan BERSIH 5.0	143
5.2 Iklan Menuntut Pendermaan Wang oleh BERSIH	145





## SENARAI SINGKATAN

BERSIH	Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil
BN	Barisan Nasional
DAP	Parti Tindakan Demokratik
HINDRAF	<i>Hindu Rights Action Front</i>
ISA	Akta Keselamatan Dalam Negeri
JACER	<i>Joint Action Committee for Electoral Reform</i>
JKPKPP	Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung Penambahbaikan Pilihan Raya
MCA	Persatuan Cina Malaysia
NGO	Organisasi Bukan Kerajaan
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PDRM	Polis diRaja Malaysia
PERKASA	Pertubuhan Pribumi Perkasa
PKR	Parti Keadilan Rakyat
PR	Pakatan Rakyat
PRU	Pilihan Raya Umum
PSM	Parti Sosialis Malaysia
PUTERA	Pusat Tenaga Rakyat
RCP	Suruhanjaya Polis DiRaja
RoS	Jabatan Pendaftaran Pertubuhan
SNAP	Parti Kebangsaan Sarawak
SPR	Suruhanjaya Pilihan Raya
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
SUARAM	Suara Rakyat Malaysia
SUHAKAM	Suruhanjaya Hak Asasi Malaysia
UMNO	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
WAMI	<i>Writers Alliance for Media Independence</i>
WDC	<i>Women's Development Collective</i>
1MDB	<i>1Malaysia Development Berhad</i>





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xvi

## SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Jemputan Program Pemerhati PRK Sungai Kandis
- B Surat Jemputan ke Sesi Taklimat Petugas PRK Belakong dan Seri Setia
- C Panduan Soalan Temu Bual  
(Jawatankuasa Pemandu dan Sekretariat BERSIH)
- D Panduan Soalan Temu Bual  
(Aktivis Sosial dan Ahli Akademik)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1

### PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

#### 1.0 Pengenalan

Bab ini merupakan pendahuluan kajian yang mengandungi perbincangan tentang perkembangan perhimpunan awam di Malaysia. Perbincangan tersebut merupakan latar belakang kajian ini bagi memberi kefahaman yang mendalam tentang konteks kajian ini. Bab ini juga mengandungi komponen penting kajian ini iaitu pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, sorotan kajian lepas dan metodologi kajian untuk memberi pengetahuan yang lebih mendalam mengenai kajian ini.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## 1.1 Perkembangan Perhimpunan Awam di Malaysia

Perhimpunan awam adalah salah satu cara atau kaedah dalam gerakan sosial yang dilakukan untuk mencapai tujuan atau matlamat tertentu. Perhimpunan awam merupakan komponen penting dalam sistem demokrasi kerana ia bertindak sebagai ruang yang memberi platform kepada penyaluran suara rakyat. Sehubungan itu, penganjuran perhimpunan awam adalah berlandaskan perkembangan gerakan sosial dan berdasarkan keperluan dan isu semasa. Kaldor (2003a) menggariskan tiga gelombang yang merujuk kepada matlamat gerakan sosial dari semasa ke semasa. Gelombang pertama merupakan gerakan pekerja dan anti-kolonial, gelombang kedua dipanggil sebagai gerakan sosial baru dan gelombang ketiga dikenali sebagai gerakan anti-globalisasi (rujuk Jadual 1.1). Walau bagaimanapun, hanya sebilangan kecil aktivis yang terlibat dalam gerakan anti-globalisasi. Model perkembangan gerakan sosial



awam merupakan salah satu mekanisme dalam gerakan sosial yang digunakan untuk membawa suara rakyat. Walau bagaimanapun, terdapat juga cara lain seperti protes, demonstrasi, rusuhan dan revolusi (Tilly, 1995).

Jadual 1.1

*Model Perkembangan Gerakan Sosial*

Tahap perkembangan	Ciri-ciri
Gelombang pertama	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Dikenali sebagai gerakan pekerja dan anti-kolonial</li> <li>- Bertujuan untuk mewujudkan kesejagatian hak atau menentangkan sesuatu kuasa</li> </ul>
Gelombang kedua	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Dikenali sebagai gerakan sosial baru</li> <li>- Menekankan isu hak asasi manusia, isu gender, perpaduan dunia ketiga, alam sekitar dan keamanan sejagat</li> </ul>
Gelombang ketiga	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Dikenali sebagai gerakan anti-globalisasi</li> <li>- Merupakan tindak balas untuk menolak gerakan baru yang diwujudkan dalam gelombang kedua</li> </ul>

Sumber : Kaldor, 2003.





Berdasarkan Jadual 1.1, gelombang pertama yang dikenali sebagai gerakan sosial anti-kolonial dikatakan berpotensi untuk mentransformasikan organisasi mereka sebagai parti politik. Selain itu, gelombang seterusnya iaitu gerakan sosial baru yang digerakkan oleh golongan berpendidikan kelas menengah. Gerakan sosial baru ini memperjuangkan hak asasi manusia, isu gender, perpaduan dunia ketiga, alam sekitar dan kepentingan sejagat secara berpusat dan berstruktur selaras dengan proses modenisasi. Secara ringkasnya, gerakan sosial baru bawah gelombang perkembangan kedua adalah lebih bersifat nasional yang merangkumi semua etnik untuk memperjuangkan kepentingan sejagat.

Kemudian, gelombang ketiga merupakan gabungan gelombang pertama dan kedua dengan berorientasikan unsur gerakan sosial baru yang merangkumi gerakan kumpulan akar umbi (Kaldor, 2003a). Gerakan anti-globalisasi bawah gelombang ketiga adalah disebabkan oleh perkembangan teknologi dan proses globalisasi yang pesat. Justeru, gerakan anti-globalisasi diadakan untuk memperjuangkan kepentingan golongan yang ditindas oleh proses globalisasi seperti petani, orang asli tempatan dan ahli agama.

Pada tahun 1940-an hingga 1960-an, gerakan sosial yang berbentuk perhimpunan awam di Malaysia adalah berorientasikan etnik dan kesatuan pekerja (Brown, 2004 ; Kartini, 2012). Tambahan pula, perhimpunan awam yang diadakan pada 1940-an hingga 1960-an juga dapat dilabelkan sebagai gerakan anti-kolonial atas matlamat untuk mendapatkan kemerdekaan daripada penjajahan British (Kartini, 2012). Keadaan ini jelas dilihat kerana wujudnya pelbagai pertubuhan yang berorientasikan etnik pada zaman memperjuangkan kemerdekaan seperti Kesatuan Melayu Muda (KMM) dan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Selain itu, Pertubuhan





Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Persatuan Cina Malaya (MCA) dan Kongres India Malaya (MIC) turut ditubuhkan pada pertengahan 1940-an sebagai wakil etnik masing-masing dan kemudiannya dijadikan parti politik. Pertubuhan-pertubuhan di atas adalah mengutamakan kebajikan etnik masing-masing sebagai matlamat utama dan berperanan sebagai pergerakan untuk membantah segala isu ketidakadilan dasar British terhadap penduduk Malaya.

Semangat anti-kolonial ini jelas dilihat apabila pembentukan *Malayan Union* oleh pihak penjajah British pada tahun 1946. Perhimpunan anti-kolonial yang dianggotai oleh etnik Melayu tercetus selepas pengenalan *jus soli* dalam *Malayan Union* dianggap telah mengancam hak orang Melayu sebagai Bumiputera di Malaya (Vejai, 1997). Oleh itu, golongan Melayu turut berhimpun untuk melakukan bantahan.

Siri aktiviti tunjuk perasaan ini turut diadakan di beberapa tempat, misalnya Alor Setar pada 19 Januari 1946 dengan penyertaan 50,000 orang, Kota Bharu pada 1 Februari 1946 dengan penyertaan 36,000 orang dan Batu Pahat pada 10 Februari 1946 dengan 20,000 orang (Abd. Ghapa, Zubaidah & Rupawan., 2012). Penganjuran perhimpunan awam ini disempurnakan oleh usaha golongan intelektual Melayu yang berperanan penting dalam meningkatkan kesedaran masyarakat Melayu dengan menyalurkan maklumat melalui akhbar dan majalah.

Penentangan *Malayan Union* juga melibatkan gabungan Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) dan *All Malayan Council of Joint Action* (AMCJA) yang dikenali sebagai PUTERA-AMCJA. PUTERA-AMCJA telah mencadangkan Perlembagaan Rakyat sebagai penggantian kerakyatan *Malayan Union* (Ishak, 2010). Namun begitu, cadangan Perlembagaan Rakyat ditolak oleh pihak British kerana ia menggugatkan kedudukan penjajahan British. Justeru, penyokong Perlembagaan Rakyat berhimpun





untuk melancarkan mogok sebagai tindak balas atas penolakan Perlembagaan Rakyat oleh penjajah British (Ishak, 2010). Perhimpunan mogok tersebut dilancarkan dalam liputan yang luas yang melibatkan lima buah negeri, iaitu Johor, Pahang Barat, Negeri Sembilan, Perak dan Selangor pada 30 Ogos 1947. Perhimpunan mogok ini telah mendapat sokongan daripada pertubuhan pekerja *Malayan Rubber Workers*.

Selain daripada penentangan rakyat yang bersifat politik, penentangan dalam kalangan pekerja di Malaysia juga menandakan lembaran penting dalam sejarah perhimpunan awam Malaysia pada 1940-an. Penentangan pekerja dilakukan melalui perhimpunan mogok secara besar-besaran seperti aktiviti mogok yang melancarkan pada 30 Januari 1946 yang melibatkan sebanyak 200,000 orang pekerja (Faridahwati, 2001). Penentangan tersebut adalah tindak balas terhadap layanan penjajah British dan majikan asing yang kurang memuaskan. Perkembangan pesat pertubuhan pekerja turut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun  
meningkatkan bilangan penyertaan pekerja sehingga mencapai kemuncaknya menjelang tahun 1947 yang mencatatkan penyertaan pekerja melebihi 50 peratus daripada keseluruhan tenaga buruh.

Rusuhan kaum yang dicetuskan pada 13 Mei 1969 merupakan antara peristiwa yang utama dalam sejarah Malaysia. Kejadian ini adalah disebabkan dasar pecah dan perintah yang menyebabkan ketegangan antara kaum (Kua, 2008). Seterusnya, kemenangan besar parti pembangkang pada PRU tahun 1969 telah menggambarkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan bukan Melayu terhadap dasar kerajaan yang bersifat perkauman (Kua, 2008). Selain itu, ketegangan antara kaum disemarakkan apabila penyokong parti pembangkang juga berhimpun di jalan raya untuk meraikan kemenangan dalam pilihan raya (Tunku Abdul Rahman, 1969). Sebagai intiha, tindakan balasan dijalankan oleh penyokong parti UMNO dalam bentuk perhimpunan





awam telah menyebabkan keadaan ini tidak terkawal dan turut berlakunya rusuhan kaum. Peristiwa rusuhan kaum telah mengakibatkan pengisytiharan darurat. Seterusnya, Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan sebagai tindakan susulan bagi mengatasi masalah jurang ekonomi kaum untuk menenangkan ketegangan kaum.

Gelombang gerakan sosial baru di Malaysia mencatatkan titik permulaan pada tahun 1970-an. Bentuk-bentuk gerakan sosial ketika ini adalah berteraskan perjuangan kebebasan asasi manusia. Antaranya, perhimpunan awam anjuran ABIM untuk menentang Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada 3 Disember 1974 yang melibatkan 5000 orang mahasiswa (Saifuddin, 2009; Mazlee, 2014). Pada dekad 1970-an hingga 1990-an, pertubuhan ABIM telah memainkan peranan sebagai penyumbang demokrasi Malaysia melalui menyuarakan kelemahan tindakan kerajaan dan menentang dasar kerajaan yang bertentangan dengan ajaran Islam (rujuk Jadual 1.2).



Selain itu, ABIM juga berperanan sebagai salah satu organisasi utama yang menyumbang kepada perhimpunan Reformasi di Malaysia.

### Jadual 1.2

#### *Corak kepimpinan pengerusi ABIM*

Tempoh (tahun)	Pengerusi	Perjuangan
1971-1974	Razali Nawawi	Bersifat konfrontasi dengan mengadakan demonstrasi massa untuk memberi tekanan kepada kerajaan
1974-1982	Anwar Ibrahim	Mengutamakan bersama dengan menggunakan pendekatan membangunkan negara bersama kerajaan
1982-1991	Siddiq Fadhil	Menggembalikan peranannya sebagai gerakan aktivis apabila berlakunya peristiwa Reformasi
1997-1997	Muhammad Nur Manutu	
1997-2005	Azam Abdul Rahman	

Sumber : Ahmad Fauzi, 2009.





Perkembangan seterusnya, perhimpunan Reformasi yang berlaku pada tahun 1998 menandakan perkembangan yang signifikan dalam perhimpunan awam di Malaysia. Perhimpunan Reformasi merupakan protes politik diadakan untuk menentang keputusan Mahathir Mohamad dalam pemecatan Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri. Menurut Zawiyah & Mohammad Agus (2015) terdapat dua sebab yang menyemarakkan perasaan ketidakpuasan hati terhadap pemecatan Anwar Ibrahim iaitu pemecatan Anwar Ibrahim tanpa sebab yang munasabah dan penuduhan terhadap Anwar Ibrahim yang tidak adil di sisi undang-undang. Penentangan tersebut dilakukan dengan mengadakan perhimpunan awam di Kuala Lumpur. Perhimpunan tersebut dijalankan dalam skala yang besar dengan sokongan rakyat kerana maklumat penganjuran perhimpunan awam disebarluaskan secara luas dalam kalangan rakyat melalui wadah internet seperti e-mel dan *blog*.



Seterusnya, perhimpunan awam terus berkembang pada abad ke-21. Perjuangan perhimpunan awam pada abad ke-21 adalah lebih menumpu kepada hak asasi dan kebijakan sosial. Contohnya, perhimpunan BERSIH yang dijalankan pada 10 November 2007 untuk memperjuangkan pembaharuan dalam sistem pilihan raya Malaysia. Pengajur BERSIH juga mengemukakan memorandum tentang tuntutan pilihan raya yang bersih dan adil kepada Yang di-Pertuan Agong. Perhimpunan BERSIH 1.0 berjaya menarik penyertaan seramai 40,000 orang ([www.bersih.org](http://www.bersih.org), 2007a).

Pada tahun yang sama, perhimpunan HINDRAF pada 25 November 2007 juga dianjurkan untuk mengemukakan memorandum tentang 18 perkara kepada Suruhanjaya Tinggi Britain yang berkaitan dengan penindasan kaum India di Malaysia yang dibawa masuk oleh penjajah British ([www.malaysiakini.com](http://www.malaysiakini.com), 2007;





Sivachandralingam *et. al.*, 2013). Perhimpunan tersebut dianjurkan oleh Gerakan Tindakan Hak Asasi Hindu (HINDRAF) yang melibatkan 30 NGO Hindu.

Kemudian, BERSIH sekali lagi menganjurkan perhimpunan awam pada 9 Julai 2011 selepas penyusunan semula organisasi. Tuntutan yang berkaitan dengan pembaharuan sistem pilihan raya turut dikemukakan melalui perhimpunan awam. Perhimpunan BERSIH 2.0 turut menarik sebanyak 50,000 peserta. Pada tahun yang berikutnya, perhimpunan BERSIH diadakan untuk kali ketiga untuk mendesak kerajaan melaksanakan syor-syor penambahbaikan sistem pilihan raya yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya (JPKPPP).

Kemudian pada tahun 2014, rakyat Malaysia juga mula menunjukkan suara bantahan mereka terhadap dasar kerajaan melalui perhimpunan awam. Perkara ini jelas dilihat melalui pengajuran perhimpunan anti-GST pada 1 Mei 2014, iaitu setahun sebelum pelaksanaan GST pada 1 April 2015 di Malaysia. Perhimpunan anti-GST bertujuan untuk memberi desakan kepada kerajaan supaya membatalkan rancangan pelaksanaan GST pada tahun berikutnya (Cheng, 2014). Kekuatan masyarakat sivil mula ditonjolkan melalui perhimpunan anti-GST. Hal ini adalah kerana perhimpunan anti-GST telah mendapat sokongan daripada pelbagai pertubuhan, termasuk NGO dan parti politik seperti Himpunan Hijau, Parti Sosialis Malaysia (PSM) dan Pakatan Rakyat (Tan & Dina, 2014).

Seterusnya, siri perhimpunan diteruskan untuk kali keempat pada 29 dan 30 Ogos 2015. Perhimpunan BERSIH 4.0 diadakan untuk mendesak pembaharuan institusi awam selepas pendedahan skandal *1Malaysia Development Berhad* (1MDB). Perhimpunan BERSIH 4.0 turut mendapat sambutan yang kuat dalam kalangan rakyat kerana berjaya menarik 500,000 peserta perhimpunan. Siri perhimpunan BERSIH





kelima diadakan pada 19 November 2016 untuk meneruskan perjuangan pembaharuan institusi awam. Perhimpunan BERSIH 5.0 telah melibatkan 120,000 peserta perhimpunan dan sebilangan besar penduduk di seluruh Malaysia melalui aktiviti konvoi yang dianjurkan oleh BERSIH sebelum perhimpunan awam dijalankan.

Secara keseluruhannya, dapat dikatakan perhimpunan awam di Malaysia telah mengalami perkembangan yang ketara pada pra kemerdekaan hingga kini selaras dengan model perkembangan Kaldor (2003a). Peranan perhimpunan awam yang bersifat ati-kolonial mula ditonjolkan apabila menggerakkan penentangan terhadap *Malayan Union* pada tahun 1946. Selepas kemerdekaan, perhimpunan awam terus berperanan sebagai amalan demokrasi yang memberikan hak sivil kepada rakyat untuk mempertahankan kepentingan mereka seperti gerakan pelajar pada 1970-an untuk memperjuangkan kepentingan rakyat seperti yang dibincangkan sebelum ini. Pada masa kini, tumpuan perhimpunan awam adalah bersifat nasional seperti perhimpunan BERSIH, perhimpunan HINDRAF dan perhimpunan Anti-GST.





## 1.2 Pernyataan Masalah

Perhimpunan awam bukanlah sesuatu yang baru di Malaysia, ia telah bermula sejak zaman penjajahan British di Tanah Melayu. Antaranya perhimpunan awam penentangan *Malayan Union* (Vejai, 1997), perhimpunan Perlembagaan Rakyat (Ishak, 2010), peristiwa 13 Mei 1969 (Kua, 2008), perhimpunan anti-ISA (Saifuddin, 2009; Mazlee, 2014) dan perhimpunan Reformasi (Zawiyah *et. al.*, 2015). Manakala beberapa perhimpunan yang berlaku pada abad ke-21 seperti perhimpunan BERSIH ([www.bersih.org](http://www.bersih.org), 2007), perhimpunan HINDRAF ([www.malaysiakini.com](http://www.malaysiakini.com), 2007; Sivachandralingam *et. al.*, 2013) dan perhimpunan anti-GST (Cheng, 2014). Sekiranya melihat kepada sejarah perhimpunan awam di Malaysia, bahawa perhimpunan awam berlaku di Malaysia telah memainkan peranannya sebagai salah satu saluran luahan perasaan ketidakpuasan hati dalam kalangan rakyat (Postill, 2014).



Malaysia bersifat *ad-hoc* kerana perhimpunan awam diadakan adalah bersifat sementara dan tidak berulang. Walau bagaimanapun, perhimpunan BERSIH telah dapat mengekalkan penganjurannya selama 10 tahun (rujuk Jadual 1.3) walaupun menghadapi kekangan terutamanya daripada aspek perundangan seperti Akta Polis 1967 serta Akta Perhimpunan Aman 2012 (SUARAM, 2015). Namun begitu, perhimpunan awam BERSIH masih berjaya menarik peserta perhimpunan dengan jumlah yang besar dalam lima siri perhimpunan yang diadakan. Oleh itu, adalah signifikan untuk mengkaji strategi yang digunakan oleh BERSIH yang dapat menarik peserta dan mengekalkan penganjurannya dalam keadaan politik Malaysia yang bersifat hegemoni.





### Jadual 1.3

#### *Perhimpunan BERSIH*

Perhimpunan	Tarikh penganjuran	Bilangan peserta (orang)	Bilangan tuntutan	Pengerusi semasa
BERSIH 1.0	10 November 2007	40,000	4	Ambiga Sreenevasan
BERSIH 2.0	9 Julai 2011	50,000	8	Ambiga Sreenevasan
BERSIH 3.0	28 April 2012	250,000	8	Ambiga Sreenevasan
BERSIH 4.0	29-30 Ogos 2015	500,000	5	Maria Chin Abdullah
BERSIH 5.0	19 November 2016	120,000	5	Maria Chin Abdullah

Sumber : [www.bersih.org](http://www.bersih.org), 2007a ; 2011; 2012; 2015a; 2016a; 2016d.

Lima siri perhimpunan BERSIH telah diadakan dalam tempoh 10 tahun, iaitu pada tahun 2007 hingga tahun 2016. Sepanjang 10 tahun penganjurannya, perhimpunan BERSIH telah mengalami pelbagai perubahan terutamanya pertukaran pucuk pemimpin daripada Ambiga Sreenevasan kepada Maria Chin Abdullah pada tahun 2013 (Avineshwaran, 2013). Justeru, apakah persamaan dan perbezaan yang lain yang terdapat dalam perhimpunan BERSIH 1.0 hingga BERSIH 5.0 sepanjang tempoh penganjurannya?

Selain itu, sepanjang lima siri perhimpunan awam BERSIH diadakan, pelbagai tuntutan pembaharuan sistem pilihan raya Malaysia telah dikemukakan oleh BERSIH. Justeru, sejauh manakah pencapaian tuntutan perhimpunan BERSIH sepanjang 10 tahun penganjuran perhimpunan BERSIH? Tambahan pula, sekiranya melihat kepada pengalaman perhimpunan awam di Indonesia pada tahun 1998, perhimpunan besar-besaran yang diadakan untuk mengkritik pemerintah Orde Baru telah berjaya menjatuhkan Presiden Soeharto (Bird, 1999). Seterusnya, Korea Selatan juga mempunyai pengalaman perhimpunan awam pada tahun 2017, iaitu siri Perhimpunan Penentangan Presiden Park Geun-hye telah berjaya menunaikan tuntutan perhimpunan





awam dengan menjatuhkan Presiden Park Geun-hye (BBC, 2017). Justeru, adakan BERSIH juga berjaya menuntut pembaharuan pilihan raya selaras dengan matlamatnya?

Seterusnya, berdasarkan kajian-kajian lepas berkaitan BERSIH, terdapat beberapa kelompangan yang memerlukan kajian selanjutnya. Antaranya ialah kajian yang dihasilkan oleh Chang (2012), Radue (2012) dan Postill (2014) tentang media dan penggunaan internet oleh BERSIH dan kajian Mohd Hariszuan (2014) tentang peranan BERSIH dalam perubahan budaya politik. Walau bagaimanapun, kajian yang memfokuskan kepada perkembangan dan pengaruh perhimpunan BERSIH hanya dilakukan sehingga perhimpunan BERSIH 3.0 oleh Khoo (2014a). Seterusnya, Smeltzer & Paré (2015) mengkaji tentang pengaruh perhimpunan BERSIH terhadap pilihan raya dan Hwang (2017) telah menganalisis aktor pendorong perkembangan perhimpunan BERSIH. Selain itu, juga terdapat pelbagai tulisan bukan akademik.



Justeru, kajian ini diperlukan bagi mengisi kelompangan kajian perhimpunan BERSIH selanjutnya hingga BERSIH 5.0 pada tahun 2016 dan menilai pencapaian tuntutan-tuntutan dalam perhimpunan tersebut sehingga kini.





### 1.3 Persoalan Kajian

Persoalan kajian bagi kajian ini adalah seperti berikut :

- i. Apakah persamaan dan perbezaan perhimpunan awam BERSIH 1.0 hingga BERSIH 5.0?
- ii. Apakah strategi yang digunakan oleh Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH) dalam mengekalkan penganjuran perhimpunan BERSIH sepanjang tahun 2007 hingga 2016?
- iii. Bagaimanakah pencapaian tuntutan perhimpunan awam BERSIH 1.0 hingga BERSIH 5.0?



### 1.4 Objektif Kajian

Kajian ini diperincikan dengan beberapa objektif kajian. Antaranya adalah untuk :

- i. Menganalisis persamaan dan perbezaan antara perhimpunan BERSIH 1.0 hingga BERSIH 5.0.
- ii. Mengenal pasti strategi yang digunakan oleh Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH) dalam mengekalkan penganjuran perhimpunan BERSIH sepanjang tahun 2007 hingga 2016.
- iii. Menilai pencapaian tuntutan perhimpunan awam BERSIH 1.0 hingga BERSIH 5.0.





## 1.5 Definisi Operasional

Bahagian ini membincangkan definisi operasional yang digunakan dalam kajian ini.

Definisi operasional diberikan bagi mengelakkan sebarang kekeliruan dalam kajian ini.

Istilah-istilah yang didefinisikan ialah gerakan sosial, perhimpunan awam dan BERSIH supaya dapat menggambarkan penggunaan istilah tersebut secara praktikal dalam kajian ini.

### 1.5.1 Gerakan Sosial

Gerakan sosial merupakan salah satu komponen dalam negara demokrasi yang memainkan peranan sebagai mekanisme penglibatan politik secara tidak konvensional.

Gerakan sosial adalah peralatan utama yang digunakan oleh orang awam untuk menyertakan diri dalam politik (Tilly, 2004). Terdapatnya tiga kriteria bagi gerakan sosial, iaitu rangkaian perhubungan antara pelbagai aktor, identiti secara kolektif dan isu-isu konflik (Daini, 1992). Gerakan sosial adalah usaha kolektif dalam masyarakat untuk mencapai tujuan kumpulan masyarakat tersebut. Secara ringkasnya, gerakan sosial yang dimaksudkan dalam kajian ini merangkumi protes, demonstrasi dan perhimpunan awam yang diadakan di ruang awam dengan terlibatnya penyertaan rakyat. Selain itu, gerakan sosial yang dimaksudkan dalam kajian ini juga merujuk kepada gerakan untuk memperjuangkan tuntutan serta hak dan kepentingan masyarakat.

### 1.5.2 Perhimpunan

Perhimpunan bermaksud perihal berhimpun beramai-ramai untuk sesuatu tujuan tertentu berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2013). Selain itu, Akta





Perhimpunan Aman 2012 juga mentafsirkan perhimpunan sebagai aktiviti berhimpun yang melibatkan sesuatu bilangan orang yang disengajakan dan sementara di sesuatu tempat awam, sama ada atau tidak perhimpunan itu diadakan di suatu tempat tertentu atau bergerak (Jabatan Peguam Negara, 2012). Manakala perhimpunan awam bererti perhimpunan yang diadakan di tempat yang terbuka dan melibatkan penyertaan orang awam. Perhimpunan yang dimaksudkan dalam kajian ini merujuk kepada aktiviti berhimpun yang dianjurkan oleh Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH) dan melibatkan penglibatan orang awam secara beramai-ramai. Secara khususnya, perhimpunan awam anjuran BERSIH merangkumi perhimpunan BERSIH 1.0, BERSIH 2.0, BERSIH 3.0, BERSIH 4.0 dan BERSIH 5.0 dalam siri perhimpunan BERSIH yang diadakan pada tahun 2007, 2011, 2012, 2015 dan 2016 masing-masing.



### 1.5.3 BERSIH

BERSIH yang digunakan dalam kajian ini merujuk kepada singkatan bagi Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil yang merupakan sebuah organisasi yang memperjuangkan pembaharuan sistem pilihan raya dan institusi awam di Malaysia ([www.bersih.org](http://www.bersih.org), 2006). Selain itu, perhimpunan BERSIH dapat didefinisikan sebagai perhimpunan awam di bawah anjuran BERSIH yang bertempat di Malaysia. Tambahan pula, perhimpunan BERSIH diberikan penomboran seperti perhimpunan BERSIH 1.0, BERSIH 2.0, BERSIH 3.0, BERSIH 4.0 dan BERSIH 5.0 untuk membezakan lima siri perhimpunan BERSIH yang diadakan pada tahun 2007 hingga 2016.





## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian berkaitan dengan perkembangan perhimpunan BERSIH daripada tahun 2007 hingga 2016 penting dari segi dinamika ilmu kerana pertama dapat memberikan maklumat berkaitan dengan persamaan dan perbezaan antara setiap perhimpunan BERSIH daripada pelbagai aspek seperti tuntutan, pemimpin dan sebagainya. Kemudian, corak perkembangan perhimpunan BERSIH dapat dilihat dengan jelas.

Kedua, kajian ini juga penting kerana dapat mengetahui strategi yang digunakan oleh organisasi BERSIH dalam mengekalkan penganjuran perhimpunannya daripada tahun 2007 hingga 2016. Strategi mengekalkan penganjuran perhimpunan awam adalah penting dikenal pasti untuk menambahbaikkan penganjuran perhimpunan awam di Malaysia. Tambahan pula, ini juga boleh dijadikan sebagai panduan organisasi sivil lain untuk mengekalkan penganjuran perhimpunan yang dinamik.



Ketiga, kajian ini juga signifikan kerana dapat menunjukkan pencapaian tuntutan-tuntutan perhimpunan BERSIH terhadap kerajaan. Oleh itu, kesan daripada perhimpunan BERSIH yang dianjurkan membawa hasil terhadap sistem demokrasi di Malaysia selepas penganjuran perhimpunan awam BERSIH.

Selain itu, kajian ini penting kepada literatur kerana dapat mengisi kelompongan kajian tentang perkembangan perhimpunan BERSIH, strategi untuk mengekalkan perhimpunan BERSIH dan pencapaian tuntutan perhimpunan BERSIH dalam lima siri perhimpunan BERSIH. Kajian ini yang menggunakan kaedah temu bual dan analisis dokumen serta penggunaan perisian analisis data *ATLAS.ti* juga penting untuk mempelbagaikan kaedah menjalankan kajian mengenai perhimpunan BERSIH.





## 1.7 Skop Kajian

Kajian yang dikemukakan oleh penyelidik adalah mengenai perhimpunan yang dianjurkan oleh BERSIH. Kajian ini hanya memfokuskan kepada perhimpunan BERSIH di Malaysia walaupun adanya perhimpunan BERSIH yang dianjurkan di luar negara sejak perhimpunan BERSIH 2.0 bawah anjuran *Global BERSIH*. Hal ini kerana perhimpunan BERSIH yang diadakan di luar negara hanya diadakan untuk menunjukkan sokongan warganegara di luar negara terhadap perhimpunan BERSIH di Malaysia. Tambahan pula, tuntutan atau hala tuju perhimpunan BERSIH adalah tertakluk kepada jawatankuasa pemandu dan sekretariat BERSIH di Malaysia. Justeru, penyelidik hanya mengkaji perhimpunan awam BERSIH yang dianjurkan di Malaysia sejak perhimpunan pertama, iaitu BERSIH 1.0 pada tahun 2007 hingga perhimpunan BERSIH 5.0 pada tahun 2016.



Selain itu, kajian ini juga memberi tumpuan kepada perkembangan perhimpunan BERSIH dalam jangka masa tahun 2007 hingga tahun 2016 sahaja, iaitu BERSIH 1.0 pada tahun 2007, BERSIH 2.0 pada tahun 2011, BERSIH 3.0 pada tahun 2012, BERSIH 4.0 pada tahun 2015 dan BERSIH 5.0 pada tahun 2016. Kajian ini juga berfokus kepada strategi mengekalkan penganjuran perhimpunan BERSIH yang merujuk kepada strategi yang dirangka oleh jawatankuasa pemandu dan sekretariat BERSIH sahaja. Kajian ini juga hanya melihat pencapaian tuntutan-tuntutan perhimpunan BERSIH daripada perhimpunan BERSIH 1.0 hingga BERSIH 5.0. Walau bagaimanapun, penyelidik menilai pencapaian tuntutan perhimpunan BERSIH sehingga tahun 2018 supaya dapat meneliti pembaharuan sistem pilihan raya yang dilakukan oleh kerajaan selepas perhimpunan BERSIH 5.0 yang diadakan pada tahun 2016.





## 1.8 Organisasi Kajian

Kajian yang dikemukakan oleh penyelidik adalah mengenai perkembangan perhimpunan BERSIH. Kajian ini diperincikan kepada tujuh bab secara keseluruhannya supaya paparan kajian ini lebih tersusun dan teratur.

Bab 1 merupakan pendahuluan bagi kajian ini. Bab ini dimulakan dengan pengenalan keseluruhan kajian dan seterusnya akan diperincikan kepada perkembangan perhimpunan awam di Malaysia, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, definisi operasional, kepentingan kajian, skop kajian, organisasi kajian dan rumusan Bab 1.

Bab 2 adalah sorotan literatur. Bab ini dimulakan dengan pengenalan bab sorotan literatur. Seterusnya akan diikuti dengan penerangan konsep dan teori,

kerangka konseptual kajian dan sorotan kajian lepas. Penyelidik membahagikan sorotan kajian lepas kepada beberapa sub-tajuk, iaitu perhimpunan awam di Malaysia, internet, media dan demokrasi serta kajian lepas tentang kebebasan asasi Malaysia. Kemudian, Bab 2 diakhiri oleh rumusan.

Bab 3 adalah metodologi kajian yang diperincikan oleh pengenalan, reka bentuk kajian dan kaedah pengumpulan data yang diperincikan kepada temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen. Kemudian, bab 3 diteruskan dengan informan, instrumen kajian, analisis data penyelidikan dan rumusan bab.

Bab 4 adalah perkembangan perhimpunan BERSIH. Bab ini dimulakan dengan pengenalan bab dan diikuti dengan penubuhan BERSIH, faktor penubuhan BERSIH, siri-siri perhimpunan BERSIH, perbandingan perhimpunan BERSIH daripada aspek tuntutan, cara penganjuran serta bilangan peserta dan diakhiri oleh kesimpulan.





Bab 5 adalah strategi mengekalkan penganjuran perhimpunan BERSIH. Bab ini diperincikan oleh pengenalan, perbincangan strategi perhimpunan BERSIH, iaitu kerjasama organisasi, non-partisan, cara penganjuran perhimpunan, memperluaskan skop dan penggunaan media sosial . Seterusnya, Bab 5 diakhiri oleh kesimpulan bab.

Bab 6 merupakan pencapaian tuntutan perhimpunan BERSIH yang diperincikan kepada pengenalan, pencapaian tuntutan perhimpunan BERSIH 1.0 hingga BERSIH 3.0 dan perhimpunan BERSIH 4.0 hingga BERSIH 5.0. Kemudian, bab 6 diakhiri dengan rumusan bab.

Bab 7 merupakan kesimpulan dan diperincikan dengan pengenalan, perbincangan mengenai dapatan utama kajian tentang perbandingan perhimpunan BERSIH, strategi mengekalkan penganjuran perhimpunan BERSIH dan pencapaian tuntutan perhimpunan BERSIH. Bab ini akan diteruskan dengan sumbangan kajian, cadangan kajian pada masa hadapan dan diakhiri oleh rumusan bab.



## 1.9 Rumusan

Bab 1 telah membincangkan perkembangan perhimpunan awam di Malaysia, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, sorotan kajian lepas dan metodologi kajian. Oleh itu, bab ini dapat memberi gambaran yang jelas tentang kajian yang dijalankan oleh penyelidik. Dapat dirumuskan bahawa perhimpunan awam telah diwujudkan dalam sistem politik Malaysia sejak prakemerdekaan sehingga masa kini. Namun begitu, hanya perhimpunan BERSIH yang dapat menunjukkan kedinamikannya selama 10 tahun daripada penubuhannya. Justeru, perkembangan BERSIH dan strategi yang disusun atur oleh BERSIH merupakan





persoalan yang perlu dikaji untuk memberi penjelasan yang mendalam tentang persoalan ini. Tambahan pula, pencapaian tuntutan perhimpunan BERSIH juga harus didokumentasikan untuk menentukan peranan perhimpunan BERSIH terhadap proses pendemokrasian negara. Pengemukaan hasil kajian ini turut akan menyumbang terhadap bidang akademik untuk mengisi kelompongan kajian mengenai perhimpunan awam. Seterusnya, pihak lain terutamanya kerajaan dan masyarakat akan turut memanfaatkan kerana hasil kajian ini dapat membantu dalam penyusunan semula mekanisme perundangan untuk memastikan keharmonian politik supaya Malaysia dapat mencapai kematangan sistem politik.

